



## **BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI**

### **UCAPAN**

**YB. DATUK LIEW VUI KEONG JP  
MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI (UNDANG-UNDANG).**

**MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2019 YB DATUK LIEW VUI KEONG  
JP MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-  
UNDANG).**

**KHAMIS, 10 JANUARI 2019  
DEWAN SAKSAMA, BHEUU**

**Selamat Pagi dan Salam Sejahtera**

Terima Kasih Pengerusi Majlis

*YB Tuan Mohamed Hanipa Maidin  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

*YBhg. Datuk Jalil Marzuki  
Ketua Pengarah  
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang*

*Y.A Dato Othman Bin Yusuf  
Ketua Pengerusi Lembaga Penasihat*

*YBhg. Datuk Hj. Aslam Bin Zainuddin  
Timbalan Ketua Pendaftar (Polis)*

*YBhg. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie  
Ketua Pengarah Insolvensi, Jabatan Insolvensi Malaysia*

*YBhg. Datuk Haini Binti Hassan  
Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman*

*YBhg. Datuk Kamis Bin Samin  
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia*

*Ybhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman & Perundangan  
(SPKP)*

*YBrs Tuan Wan Khairil B Wan Muhammad  
Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK)*

*Ybhg. Dato' Anita Binti Hj. Harun  
Ketua Pengarah Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP)*

*YH DCP Dato' Yusoff Bin Mohd Amin  
Ketua Pengarah Perlindungan Saksi*

1. Bersyukurlah kita kerana dapat melangkah ke tahun 2019 dan kita meninggalkan tahun 2018 dengan penuh kenangan. Tahun 2018 adalah sangat signifikan kerana ia merupakan tahun kemenangan bagi Kerajaan Malaysia Baharu. Tahun 2018 akan diingati oleh rakyat Malaysia sebagai tahun yang bersejarah. Saya berdoa semoga tahun 2018 menjadi titik permulaan bagi kita mengorak langkah serta bergandingan bahu untuk memantapkan lagi fungsi dan peranan kita dalam memperkasakan sistem pentadbiran keadilan Negara melalui penyediaan prasarana dan undang-undang.
2. Justeru, antara perkara penting yang ingin saya tekankan adalah konsep *Rule of Law* atau dalam Bahasa Malaysia; konsep kedaulatan undang-undang. Kedaulatan Undang-Undang adalah keadaan di mana semua pihak dalam sebuah negara termasuk rakyat biasa dan Kerajaan yang memerintah tertakluk kepada undang-undang yang sama. Prinsip utama *rule of law* secara ringkasnya adalah:
  - i. undang-undang hendaklah stabil, tidak mudah dan tidak berubah;
  - ii. badan kehakiman yang bebas;
  - iii. pemakaian prinsip semakan kehakiman; dan
  - iv. kebebasan asasi.
3. Di samping itu, konsep *rule of law* dapat dilihat secara praktikal dalam sistem mahkamah yang mudah diakses oleh masyarakat; prosesnya tidak mahal dan terbuka kepada orang ramai di mana semua lapisan masyarakat mendapat *access to justice*.

4. Apa yang lebih penting, bagi memastikan *rule of law* di Malaysia sentiasa berada pada tahap terbaik; kedaulatan undang-undang perlu dinilai melalui pelaksanaan dan penguatkuasaannya. Penggunaan *Rule of Law* ini mestilah secara adil dan saksama serta diaplikasikan terhadap setiap rakyat tanpa pilih kasih serta berteraskan sistem undang-undang yang telus. Sistem dan institusi undang-undang yang berintegriti lagi telus pula didokong oleh badan perundangan dan kehakiman yang cekap / efektif, undang-undang yang jelas, struktur mahkamah yang terbaik dan pengamal undang-undang yang amanah serta bersifat tulus.
5. Aplikasi *rule of law* sentiasa menjadi paksi Kerajaan dalam memastikan sebarang keputusan dasar dan polisi terkini, adalah adil dan bertanggungjawab kepada undang-undang yang sedang dikuatkuasakan. Dalam konteks ini, aplikasi kedaulatan undang-undang boleh dilihat melalui inisiatif cadangan Kerajaan meminda, memansuhkan atau menggubal beberapa perundangan sedia ada seperti:
  - i. Kajian pemansuhan hukuman mati mandatori melibatkan 33 peruntukan dibawah akta-akta berkaitan. Dalam hal ini, cadangan pemansuhan akta hukuman mati mandatori dilaksanakan melalui penelitian menyeluruh dengan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan kerana isunya adalah kompleks dan sensitif sebelum Rang Undang-Undang Pemansuhan Hukuman Mati tersebut disyorkan untuk dibawa dan dibentangkan ke sesi Dewan Rakyat pada tahun ini; dan

- ii. pindaan kepada beberapa akta seperti Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] dan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] serta cadangan gubalan akta baharu seperti Akta Kebebasan Maklumat dan Akta Kebajikan (Charities Act) misalnya, tidak terkecuali daripada melalui proses pembentukan dasar dan perundangan yang teratur serta keterlibatan semua pihak berkepentingan sebelum pelaksanaannya.
- 6. Selain itu, beberapa pelaksanaan dasar semasa Kerajaan seperti Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (Malaysia Agreement 1963) adalah dilihat selaras dengan menegakkan konsep *rule of law*. Justeru sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Menyemak Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) ditubuhkan mewakili semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, ahli akademik, CSO/NGO serta kumpulan akar umbi agar keputusan yang akan dicapai mematuhi keluhuran undang-undang dan hak asasi semua rakyat di negara ini.
- 7. In a country under the Rule Of Law, the government is subject to the decision of a judiciary which is independent and free of government control. Rule Of Law implies that everyone's legal

equality before the law and procedural justice. The latter means the right of an accused person to know the charges brought against him, and the right of a fair trial.

8. Rule Of Law requires cost buildings, funds and qualified judges and advocates. The some requirements for institutions of governments, bureaucracy, the military, and the police. All these institution are able to function effectively if they have physical infrastructure, financial resources, and personnel.
9. Equally important is the burreaucrates or public servants must not demand bribes from citizens before providing services, nor may they steal from the public purse. Bureaucracies must be transparent and accountable.
10. In making decision, bureaucrats must be practice based on rules rather than arbitrary whish. Bureaucracies must also posess administrative and managerial capacity. They must have the qualifications, and the recruitment of bureaucrats must be based on merit.

Tuan-tuan dan puan-puan

11. **BHEUU** merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk merancang dan melaksanakan projek-projek pembinaan mahkamah. Bagi menyediakan persekitaran mahkamah yang lebih selamat dan kondusif melalui penambahbaikan fizikal dan teknologi maklumat (ICT) dalam sistem penyampaian perkhidmatan

Kehakiman negara, Kerajaan telah melulusan peruntukan pembangunan mahkamah berjumlah RM 66 juta bagi tahun 2019.

Projek-projek yang diluluskan adalah enam **(6) projek sambungan bagi fizikal Mahkamah** dan dua **(2) projek baharu berasaskan ICT** iaitu:

BIL.	NAMA PROJEK	RM
<b>PROJEK SAMBUNGAN FIZIKAL MAHKAMAH</b>		
i.	<b>PEMBINAAN KOMPLEKS MAHKAMAH BAHARU JOHOR BAHRU, JOHOR</b>	500,000.00
ii.	<b>PEMBINAAN KOMPLEKS MAHKAMAH BARU KOTA KINABALU, SABAH</b>	10,000,000.00
iii.	<b>PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU AMPANG, SELANGOR</b>	15,000,000.00
iv.	<b>PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU KANGAR, PERLIS</b>	3,000,000.00
v.	<b>PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU TAPAH, PERAK</b>	2,000,000.00
vi.	<b>PEMBINAAN MAHKAMAH KOTA BHARU, KELANTAN</b>	5,000,000.00

## PROJEK BAHARU BERASASKAN ICT

vii.	<b>SISTEM COURT RECORDING TRANSCRIPTION (CRT) E-KEHAKIMAN</b>	30,000,000.00
viii.	<b>SISTEM MAHKAMAH BERSEPADU BAGI NEGERI SABAH DAN SARAWAK</b>	500,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		<b>66,000,000.00</b>

Selain itu, terdapat tiga (3) projek mahkamah yang sedang dalam pembinaan dan bakal siap dalam tahun 2019 iaitu:

- i. **Kompleks Mahkamah Kota Bharu, Kelantan.** Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baharu yang mengandungi 13 bilik bicara iaitu tiga (3) Mahkamah Tinggi, lima (5) Mahkamah Sesyen dan lima (5) Mahkamah Majistret. Projek ini dijangka siap pada **1 April 2019**. Iaitu setahun lebih awal daripada tarikh jangkaan siap projek;
- ii. **Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis** yang dijangka siap pada **13 Mei 2019**; dan
- iii. **Mahkamah Baharu Ampang, Selangor** yang dijangka siap pada **7 November 2019**.

12. Bagi tahun 2018 **Mdl** pula telah berjaya:

- (i) Melepaskan 22,851 bankrap menerusi Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi dibawah Seksyen 33A Akta Insolvensi. Jumlah tersebut telah melepassi sebanyak 14% daripada jumlah yang disasarkan iaitu 20,000 bankrap.
- (ii) Mengosongkan baki Akaun Amanah bagi 11,000 kes. Dengan pengosongan baki ini, jumlah estet yang ditadbir telah berkurangan.
- (iii) Mengisyiharkan dividen tertunggak bagi 10,500 kes kepada pemutang-pemutang yang mana kes Kebankrapan yang ditadbir telah dibatalkan atau dilepaskan bagi tujuan penyelesaikan kes Kebankrapan tersebut
- (iv) Untuk tahun 2019, Mdl diharap dapat beriltizam untuk terus berhadapan dengan arus perubahan dan cabaran bagi membawa Mdl ke tahap yang lebih baik.

13. Bagi **JBG** pula sebagai salah satu langkah untuk mempelbagaikan sumber kewangan JBG, Akaun Amanah yang diwujudkan pada Disember 2017 telah mengumpul dana sebanyak RM773, 289.80 sehingga November 2018. Wang dari akaun ini diperoleh daripada kutipan fi pendaftaran, sumbangan orang dibantu dan kos pengendalian kes yang diperintah oleh mahkamah.

14. Jabatan ini juga telah mula menjalinkan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri bagi mendapatkan kos pembiayaan kes-kes Syariah yang dikendalikan oleh JBG. Sebagai timbal balik, JBG telah memberikan bantuan guaman kepada pelanggan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui perkhidmatan peguam panel JBG. Sebagai projek perintis, dana sebanyak RM165,000.00 telah disumbangkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi mengendalikan sebanyak 34 kes yang melibatkan pelanggan Baitulmal.
- 15.
16. JBG juga telah mula menjalinkan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri bagi mendapatkan kos pembiayaan kes-kes Syariah yang dikendalikan oleh JBG. Sebagai timbal balik, JBG telah memberikan bantuan guaman kepada pelanggan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui perkhidmatan peguam panel JBG .Sebagai projek perintis, dana sebanyak RM165,000.00 telah disumbangkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi mengendalikan sebanyak 34 kes yang melibatkan pelanggan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang akan mendapat faedah daripada kerjasama ini.
17. Dalam meneruskan kecemerlangan dan tindakan transformasi berterusan, JBG telah merangka dan menyiapkan Pelan Strategik Jabatan Bantuan Guaman bagi tahun 2019 – 2023 yang akan dilancarkan sebentar lagi. Pelan Strategik ini merupakan kesinambungan daripada pelan strategik

sebelumnya yang digubal untuk tahun 2014 – 2018. Pelan Strategik ini memberi fokus kepada tiga teras strategik iaitu:

- i. Memperkasakan perkhidmatan bantuan guaman bagi menjamin akses kepada keadilan;
- ii. memantapkan tadbir urus, keupayaan dan kapasiti warga Jabatan kearah kecemerlangan organisasi; dan
- iii. memperkuuhkan system aplikasi dan perkongsian maklumat untuk penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

Saya berharap JBG akan terus berusaha bagi memastikan pencapaian ini terus dipertingkatkan dan sentiasa mencari ruang untuk penambahbaikan perkhidmatan yang disediakan.

18. Bagi tahun 2019 Peruntukan Mengurus Yang Telah Diluluskan Oleh Kerajaan Persekutuan Bagi BHEUU, JBG Dan Mdl Bagi Tahun 2019 saya difahamkan, sebanyak RM116,658,700.00 (Seratus Enam Belas Juta Enam Ratus Lima Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Ringgit) Iaitu Pertambahan Sebanyak RM13,927,200.00 (Tiga Belas Juta Sembilan Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu Dua Ratus Ringgit) Atau 13.56 Peratus Dibandingkan Dengan Peruntukan Tahun 2018.
19. Daripada Jumlah 116 Juta tersebut, Mdl ialah penerima terbesar peruntukan 2019 Iaitu sebanyak RM52,413,000.00 (Lima Puluh Dua Juta Empat Ratus Tiga Belas Ribu Ringgit), Seterusnya BHEUU Iaitu Rm28,507,000.00 (Dua Puluh Lapan Juta Lima Ratus Tujuh Ribu Ringgit), dan yang terakhir Ialah JBG Iaitu

Rm25,288,200.00 (Dua Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu Dua Ratus Ringgit).

20. Saya berharap peruntukan ini dibelanjakan berdasarkan keutamaan dan keperluan Jabatan masing-masing dengan mengutamakan prinsip perbelanjaan berhemah.
21. Bagi **Bahagian Pelindungan**, JPM (BPJPM) pula pada tahun 2018, BPJPM berjaya melindungi saksi dari sebarang ancaman dengan kawalan keselamatan yang optimum dengan kadar 100% tanpa sebarang kecualian atau kecelakaan (casualty). Ini diikuti dengan kejayaan mengurus saksi memberi keterangan di mahkamah (7 kes ) dan proses perbicaraan selesai setelah hakim menjatuhkan hukuman kepada mereka yang dituduh.
22. Saya berharap hala tuju Bahagian Perlindungan bagi tahun 2019 dapat menjurus kepada perkara-perkara seperti berikut:
  - Akta Perlindungan Saksi 2009 ( Akta 696) diperkemas dan dimurnikan selaras dengan kehendak dan keperluan saksi. Contoh: Seseorang yang menghendaki perlindungan atau bantuan di bawah program atas sebab-sebab selain daripada untuk hadir ke mahkamah bagi memberi keterangan ATAU seseorang bekas peserta program masih lagi menghadapi ancaman terhadap diri dan keluarga akibat daripada komitmen beliau semasa perbicaraann yang lepas.

23. Adalah diharap Bahagian Pelindungan dapat bertanggungjawab memberi perlindungan kepada mereka secara total dan mengelakkan mereka dari menerima sebarang ancaman.
24. Bagi **Mahkamah Persekutuan** pula, tahun 2018 memfokus kepada pembaharuan badan kehakiman secara progresif (Progressive Judicial Reform) selaras dengan aspirasi teknologi negara dan Revolusi Industri 4.0. Pembaharuan badan kehakiman boleh dilihat dengan wujudnya pengurusan panel hakim dan pengendalian kes-kes di Mahkamah Persekutuan berdasarkan jenis kes, mewujudkan sistem e-balloting, sistem e-review , sistem QMS di Istana Kehakiman dan juga video conferencing di 4 lokasi Mahkamah iaitu Putrajaya, Kuala Lumpur, Shah Alam dan Pulau Pinang.
25. Pada tahun 2018 juga, Mahkamah Khas Anti Pemerdagangan Orang (ATIP) di Mahkamah Sesyen Klang dan Mahkamah Jenayah Seksual terhadap Kanak-Kanak (JSKK) di Kompleks Mahkamah Kuching Sarawak telah ditubuhkan. Penubuhan Mahkamah Khas ini bertujuan bagi mempercepatkan pelupusan kes-kes berkaitan pemerdagangan orang dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak selain dapat mewujudkan kepakaran dalam undang-undang yang berkaitan.
26. Saya berharap pada tahun 2019 beberapa program yang dirancang dapat menambahbaik sistem penyampaian kehakiman (judicial delivery system). Antaranya dengan menaiktaraf peralatan

Court Recording and Transcription (CRT) di beberapa Mahkamah Negeri agar perbicaraan kes dapat dijalankan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

27. Badan Kehakiman diharap dapat meneruskan inisiatif membangunkan aplikasi dalam talian (online apps) supaya pihak-pihak berkepentingan dapat berurusan dengan Mahkamah dengan lebih mudah, cepat dan sekaligus menjimatkan kos.
28. Bagi **Lembaga Penasihat** pula, pada tahun 2018, Lembaga Penasihat telah menerima sejumlah 2,604 permohonan representasi Orang Tahanan yang ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA). Jumlah ini adalah termasuk Kajian Semula di Bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.
29. Selaras dengan Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan, kesemua representasi yang diterima telah didengar oleh Lembaga Penasihat dan syor telah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan permohonan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

30. Bagi agensi-agensi lain seperti Parlimen, Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman serta Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan saya berharap dari semasa ke semasa kita sama-sama tingkatkan profesionalisma kehakiman dan perundangan mengikut kehendak semasa.
31. Bersesuaian dengan persekitaran masa kini yang cepat berubah tanpa diduga dan ekspektasi *stakeholders* serta pelanggan juga semakin meningkat, maka perkhidmatan awam memerlukan sumber manusia yang berpengetahuan (knowledge workers), berkeupayaan menguasai pelbagai kemahiran terutamanya ICT dan tadbir urus yang baik (good governance). Justeru, setiap warga kerja perlu memberi penekanan kepada penguasaan ilmu, peningkatan kemahiran dan pengamalan ciri-ciri peribadi yang positif agar kita dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan perubahan persekitaran kerja dengan sentiasa bersiap sedia.
32. Akhir kata, tanamkan tekad yang kukuh dan penuh iltizam untuk kita sama-sama mengharungi cabaran 2019 dengan jayanya. Moga-moga segala usaha dan komitmen kita dalam menjalankan tugas yang diamanahkan membawa hasil yang baik.
33. Secara amnya, saya amat berpuas hati di atas pencapaian yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang). Pencapaian tersebut diperolehi dengan usaha gigih semua pegawai dan anggota

masing-masing di bawah seliaan ketua-ketua Jabatan masing-masing.

34. Selamat Maju Jaya. Sekian terima kasih.